

KEJOHANAN ALUMNI FUTSAL FIESTA 2012 MERIAH

Kejohanan Alumni Futsal Fiesta 2012 yang diadakan pada baru-baru ini bertempat di Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM) berlangsung dengan meriah. Penyertaan pasukan yang bertanding melibatkan pasukan pelajar termasuk pelajar antarabangsa di samping penyertaan pasukan luar.

Pasukan HEP FC telah muncul juara selepas menewaskan pasukan Changloon FC dengan jaringan 2-0. Sementara itu juara tahun 2011, pasukan Laksamana FC mendapat tempat ketiga selepas menewaskan pasukan FC Ban Kuan A menerusi sepakan penalti.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Pusat Alumni UUM, merupakan salah satu aktiviti tahunan. Antara objektif utama aktiviti tersebut diadakan mengeratkan hubungan alumni dengan pelajar, di samping membuka ruang sempadan Universiti kepada masyarakat sekitar.

Menurut penganjur kejohanan, Encik Mohd Najib Ahmad, kejohanan futsal ini akan diteruskan setiap tahun. Beliau juga merancang untuk menganjurkan kejohanan futsal kategori wanita pada tahun 2013 memandangkan hampir 75 peratus pelajar UUM dikuasai oleh golongan tersebut.

Perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Dr. Halim Mad Lazim, Pengarah Pusat Alumni UUM. Johan menerima hadiah wang tunai RM1,000.00 dan pingat, sementara naib johan menerima hadiah wang tunai RM700.00 dan pingat.

Daripada:

Pusat Alumni
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
Tel : 04 - 928 3221/3223/3224
Faks : 04 - 928 3216
Emel : alumniuum@uum.edu.my



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.